

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

6

Nasional

KHAMIS, 20 FEBRUARI 2020 B11

Penularan COVID-19

Dua lagi individu dibenar pulang

2 ujian ulangan sahsakan negatif virus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Dua lagi individu yang sebelum ini dilaporkan positif COVID-19 dibenarkan pulang semalam selepas menjalani dua ujian ulangan dan mendapat keputusan negatif.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata dua kes berkenaan ialah seorang wanita tempatan berumur 65 tahun iaitu kontak rapat kepada lelaki tempatan pertama yang disahkan positif sebelum ini.

Katanya, seorang lagi yang dibenarkan pulang ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 31 tahun yang bekerja di Macau, China.

"Sehubungan itu, jumlah kes yang sudah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang ialah sebanyak 15 kes.

"Tiada pertambahan kes baharu dilaporkan hari ini (semalam). Jumlah kumulatif kes COVID-19 kekal 22 dengan tujuh kes masih dirawat di wad," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media harian COVID-19, di kementerianya, di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, tujuh lagi individu sedang dirawat di beberapa hospital dan masih menunggu keputusan ulangan yang dilakukan sebelum mereka dibenarkan pulang.

"Selagi tidak dapat keputusan untuk ujian kedua, kita tidak akan izinkan mereka pulang.

"Semua tujuh individu ini dilaporkan stabil, cuma ada beberapa individu masih batuk dan selsema sahaja," katanya.

Terdahulu, Dr Dzulkefly berkata, kementerian turut menandatangani satu memorandum persefahaman bersama Doctor-OnCall bagi membangunkan satu saluran digital yang dinamakan *Virtual Health Advisory*.

Menurutnya, ia adalah satu inisiatif program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Doctor-OnCall bagi membolehkan orang awam mengakses program secara percuma bagi tempoh tiga bulan.

"Ia salah satu langkah menyampaikan maklumat dan mengurangkan kekeliruan orang awam berkaitan COVID-19.

"Dengan platform ini orang awam boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar perubatan keluarga atau pegawai perubatan kementerian melalui perbualan atas talian.
















"Waktu khidmat nasihat ini dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang setiap hari. Perkhidmatan ini boleh dilayari di www.moh.gov.my," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata petugas kesihatan dan orang awam diminta tidak mudah selesa walaupun kadar kesembuhan pesakit COVID-19 kini di tahap memuaskan.

Katanya, sikap berhati-hati perlu diteruskan memandangkan Singapura masih lagi dalam 'peringkat jingga'.

"Orang awam diingatkan untuk terus kekal dengan amalan sebelum ini iaitu menjaga kebersihan diri seperti kerap membasuh tangan menggunakan sabun dan air serta gunakan *hand sanitizer*," katanya.

Kes COVID-19 di MALAYSIA Pesakit yang sembuh dan discaj

Bilangan kes	Jantina	Umur	Warganegara	Tarikh disahkan positif	Tarikh discaj	Hospital
6	Perempuan	4 Tahun		28 Jan 2020	4 Feb 2020	Hospital Sultanah Maliha, Langkawi
4	Lelaki	40 Tahun		25 Jan 2020	8 Feb 2020	Hospital Permai, Johor
10	Lelaki	63 Tahun		3 Feb 2020	9 Feb 2020	Hospital Kuala Lumpur
1	Lelaki	11 Tahun		24 Jan 2020	14 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
2	Lelaki	2 Tahun		24 Jan 2020	14 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
3	Perempuan	65 Tahun		24 Jan 2020	14 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
5	Perempuan	36 Tahun		28 Jan 2020	14 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
15	Perempuan	59 Tahun		7 Feb 2020	16 Feb 2020	Hospital Permai, Johor
9	Lelaki	41 Tahun		4 Feb 2020	17 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
11	Lelaki	45 Tahun		5 Feb 2020	18 Feb 2020	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
12	Lelaki	9 Tahun		5 Feb 2020	18 Feb 2020	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
7	Lelaki	52 Tahun		28 Jan 2020	18 Feb 2020	Hospital Permai, Johor
8	Perempuan	49 Tahun		30 Jan 2020	18 Feb 2020	Hospital Permai, Johor
17	Perempuan	65 Tahun		9 Feb 2020	19 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor
18	Lelaki	31 Tahun		9 Feb 2020	19 Feb 2020	Hospital Sungai Buloh, Selangor

Jumlah pesakit sembuh 15



GrafikB11

Kontraktor tak sempat lihat keunikan Wuhan

Nilai: "Perasaan resah, bimbang dan takut sentiasa menyelubungi saya dan ahli keluarga teman wanita sepanjang sebulan terkurung dalam rumah di Wuhan apabila wilayah berkenaan dilanda wabak coronavirus (COVID-19)," kata kontraktor, Low Wang Lai.

Malah, impian percutian pemuda berusia 25 tahun dari Cheng, Melaka yang kali pertama ke Wuhan kerana mahu menemui teman wanita berusia 26 tahun dan ahli keluarganya tidak kesampaian sebaik tiba di bandar itu pada 29 Disember lalu.

Beliau berkata, ketika sampai di Wuhan keadaan belum begitu serius tetapi dalam beberapa hari suasana menjadi tidak menentu apabila penularan virus sama-

kin serius dan pihak berkuasa di sana melarang melakukan sebarang urusan tidak penting di luar rumah kerana bimbang ancaman jangkitan virus berkenaan. "Saya saksikan keadaan di Wuhan menjadi tidak tenteram apabila orang ramai menggunakan penutup hidung dan mulut sepanjang masa.

"Saya sudah merancang dengan teman wanita yang berasal dari bandar berkenaan untuk bersiar-siar di bandar Wuhan, tetapi sebaik sampai di sana, saya dilarang ke luar rumah berikutan wilayah berkenaan mula dilanda COVID-19.

"Saya sepatutnya berada di sana sehingga pertengahan bulan ini untuk meluangkan masa bersama teman wanita dan ibu-

bapanya termasuk bagi membincangkan soal perkahwinan kami.

"Bagaimanapun, saya langsung tak sempat melihat keindahan atau keunikan bandar Wuhan kerana dilarang keluar rumah sepanjang sebulan berada di sana.

"Saya, teman wanita dan ibu bapanya hanya makan, tidur, menonton televisyen dan kadang-kadang bermain permainan video.

"Saya kemudian berhubung dengan pejabat kedutaan di sana untuk mendapatkan bantuan sebelum diselamatkan petugas dan dibawa balik ke Malaysia," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Wang Lai yang balik ke Malaysia pada 4 Februari lalu, antara

102 individu termasuk rakyat China yang dikenakan kuarantin selama 14 hari di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Bandar Enstek, di sini.

Semua mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas menjalani dua kali ujian dan pemeriksaan kesihatan oleh pasukan pemantau Covid-19 serta disahkan sihat.

Beliau akui lega selepas di-

sahkan sihat dan bebas coronavirus serta dapat pulang ke Melaka dan berterima kasih tidak terhingga kepada enam anggota pasukan petugas pemantau Malaysia yang membantunya ketika urusan balik ke tanah air pada 4 Februari lalu.

Perasaan resah, bimbang dan takut sentiasa menyelubungi sepanjang sebulan terkurung dalam rumah di Wuhan.

Low Wang Lai, kontraktor



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

16A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Khamis 20.02.2020 | Harian Metro

lokal

Putrajaya: Pasangan warga China masing-masing berusia 49 tahun dan 52 tahun yang disahkan positif Covid-19 sebelum ini dibenarkan keluar hospital petang kelmarin, menjadikan jumlah terkini pesakit sembuh seramai 15 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pasangan suami isteri yang dirawat di Hospital Permai, Johor Bahru itu disahkan sembuh sepenuhnya selepas keputusan ujian Covid-19 ulangan kali kedua berturut-turut didapati negatif.

"Kes ketujuh dimasukkan ke wad 27 Januari lalu dan kesihatannya terus merosot disebabkan jangkitan teruk Hypoxia pada hari ketiga selepas dimasukkan ke wad.

"Pada hari kesembilan, pesakit menunjukkan per-

15 individu sembuh setakat ini

kembangan kesihatan yang amat baik, sehingga dia menjalani ujian dua kali berturut-turut dengan keputusan negatif Covid-19, dan hari ini (kelmarin) dia dibenarkan pulang," katanya menerusi hantaran di Facebooknya.

Susulan berita gembira itu, Dr Noor Hisham berkata, semua kes positif Covid-19 yang dirawat di hospital itu sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang. Mengulas lanjut, beliau berkata pada awal saringan kesihatan, isteri kepada pesakit kes ketujuh itu disahkan menghidap Asymptomatic namun simptom Covid-19 pada wanita itu dikesan pada hari kedua rawatan.

"Sampel yang diambil

pada 5 Februari lalu menunjukkan negatif Covid-19 namun dia tetap berhasrat untuk tinggal di hospital sehingga suaminya dibenarkan keluar.

"Kita jalankan ujian sampel sekali lagi semasa suaminya sembuh dan keputusannya tetap negatif dalam dua ujian susulan itu," tambahnya.

“Pesakit menunjukkan perkembangan kesihatan yang amat baik”
Dr Noor Hisham

Pasangan itu adalah individu kes ketujuh (suami) dan kelapan (isteri) yang masing-masing disahkan positif Covid-19 pada 28 Januari dan 30 Januari lalu.



SEBAHAGIAN daripada rakyat Malaysia yang dibawa pulang dari Wuhan pada 4 Februari lalu dibenarkan pulang selepas menjalani kuarantin selama dua minggu di Akept, Nilai.

Dikuarantin lepas habis tempoh pantang bersalin

Nilai: Baru habis tempoh pantang bersalin dan terpaksa pula jalani kuarantin dua minggu sebagai pencegahan penularan Covid-19.

Itu nasib dialami seorang wanita hanya mahu dikenali Wu, 29, sambil mengendong anak lelakinya berusia dua bulan dikuarantin di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (Akept) di sini.

Wu adalah salah seorang daripada 102 rakyat Malaysia dikuarantin di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (Akept) yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Mereka adalah 113 individu termasuk enam pegawai Kedutaan Malaysia di Beijing yang dibawa pulang dari Wuhan, China pada 4 Februari lalu ekoran penularan wabak koronavirus.

"Kakitangan di Akept

yang membantu semua sangat hebat. Saya bersendirian bawa bayi sebab suami saya orang Wuhan, China tak dapat dibawa bersama ke Malaysia atas masalah dokumentasi.

"Saya cuma minta bekas mandian bayi tetapi mereka berikan lebih dari itu, malah mereka belikan baju baru untuk bayi saya," katanya ketika ditemui di pusat pemantauan (HSC) di Akept di sini, kelmarin.

Menurutnya, setiap hari kakitangan yang menjaga pusat pemantauan itu datang bertanya apa yang diperlukannya.

"Saya mulanya menyangkakan kuarantin akan menjadi satu mimpi ngeri namun sebaliknya berlaku sebab layanan di Akept sangat baik."


"Bayi saya baru berusia dua bulan jadi pada mulanya dalam fikiran ini satu mimpi ngeri untuk saya," katanya.



BERMUBAHAG di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura memaklumkan kepada penumpang yang tiba dari Wuhan, China untuk memakai topeng muka dan menjaga jarak sosial.

Jangan mudah selesa'

Singapura sedang berhadapan dengan situasi peringkat jingga



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihati petugasnya dan masyarakat tidak terlalu selesa selepas kejayaan menyembuhkan ramai pesakit Covid-19 di negara ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

berkata, negara jiran iaitu Singapura sedang mengalami keadaan agak gawat.

Beliau berkata, beberapa persoalan akan dibincangkan lagi dengan negara seberang tambak Johor itu termasuk saringan keluar masuk di antara kedua-dua belah negara.

"Kita jangan mudah selesa (situasi semasa Covid-19 di Malaysia). Sebab di seberang tambak Johor iaitu Singapura sedang mengalami sedikit gawat dengan doktor mereka berhadapan situasi peringkat jingga.

"Kita terus mengingatkan rakyat supaya kekal dengan amalan kebersihan yang

baik," katanya dalam sidang media situasi terkini jangkitan Covid-19 di Malaysia.

Hampir separuh iaitu daripada 22 kes positif Covid-19 dilaporkan di negara ini, sembilan orang masuk ke Malaysia melalui Singapura.

Amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakan Penyakit (Dorscon) Singapura pada 7 Februari lalu dinaikkan daripada tahap kuning ke jingga bagi membendung penularan Covid-19.

Ia dilaksana berikutan penemuan beberapa kes virus itu membolehkan mangsa yang tidak mempunyai seja-

rah perjalanan ke China.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan Singapura Gan Kim Yong dipetik berkata, semua sekolah diarah menghentikan semua kegiatan luar sehingga cuti hujung Mac ini.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, dua lagi kes yang pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang ke rumah semalam.

"Sehubungan itu, jumlah kes (pesakit) pulih sepenuhnya dan discharge sehingga semalam ialah 15 kes.

"KKM juga ingin memaklumkan bahawa tiada kes baru dilaporkan hari ini (semalam) dan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 dilaporkan di Malaysia setakat ini kekal 22," katanya.

Jumlah kumulatif kes positif Covid-19 dilaporkan di Malaysia setakat ini kekal 22

RINGKAS

NSTP lapor polis artikel palsu Covid-19

Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) membuat laporan polis berhubung penulisan artikel palsu mengenai Covid-19.

Bahagian Komunikasi Korporat NSTP dalam kenyataannya berkata, laporan dibuat di Balai Polis Pantai di sini, semalam. Menurutnya, artikel berkenaan menggunakan nama Fairouz Zidane dan alamat e-mel fairouz@nstp.com.

"Artikel palsu berkenaan menggunakan gambar dan memetik kenyataan Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr N Ganabaskaran bertajuk 'Pelancong China dan India punca utama influenza merebak' bertarikh 12 Januari dari Putrajaya.

"Artikel ini menggunakan format berita atas talian dan disebarikan melalui aplikasi WhatsApp," katanya.

Menurutnya, pihak NSTP tidak mempunyai kakitangan dan alamat e-mel seperti dipaparkan dan tidak pernah mengeluarkan artikel berkenaan.

Laporan polis dibuat untuk menjaga kredibiliti syarikat dan akhbar di bawah kumpulan serta berharap orang ramai tidak terkeliru dengan mesej berkenaan dan mengaitkan kandungannya dengan syarikat atau akhbar kumpulan ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

6

ANCAMAN COVID-19

KHAMIS 20 FEBRUARI 2020 • SINAR HARIAN

Dua lagi individu pulih

Tiada jangkitan terbaru wabak Covid-19 di Malaysia

Oleh TUAN BUQHAIKHAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



Dr Dzulkefly (tiga dari kanan) pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di Putrajaya semalam.

Dua individu termasuk ibu mertua kepada kes pertama melibatkan lelaki tempatan disahkan pulih sepenuhnya daripada wabak koronavirus (Covid-19).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, dua individu tersebut yang sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh telah dibenarkan pulang semalam.

"Wanita berusia 64 tahun itu disahkan positif pada 9 Februari lalu manakala kes ke-18 melibatkan lelaki tempatan yang bekerja di Macau disahkan positif wabak itu pada 10 Februari," katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, jumlah kes yang telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan keluar adalah sebanyak 15 kes.

"Setakat ini, hanya tujuh kes masih dirawat di hospital,"

katanya.

Tujuh kes tersebut masing-masing di tiga di Hospital Kuala Lumpur, dua di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, satu kes di Sultanah Maliha Langkawi, Kedah dan satu kes di Hospital Sungai Buloh.

Beliau berkata, tiada penambahan kes baharu dilaporkan.

"Alhamdulillah, ini adalah berita baik kepada kita," katanya

Mengulas lanjut, katanya, kes ke-13 dan kes ke-16 sudah tidak menunjukkan sebarang gejala.

"Ujian saringan ulangan kali akan dilakukan dan sekiranya negatif mereka dibenarkan pulang," katanya.

Kes ke-13 merupakan adik kepada lelaki tempatan tersebut dan kini sedang dirawat di

Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah manakala kes ke-16 melibatkan ibu kepada kes 19 yang juga merupakan pelancong Wuhan.

Pada perkembangan sama, KKM melancarkan khidmat kesihatan atas talian melalui platform *telemedicine* iaitu DoctorOnCall dengan kolaborasi kementerian.

"Dengan platform ini, orang awam boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Pakar Perubatan Keluarga (Family Medicine Specialist) atau pegawai perubatan KKM melalui perubatan atas talian," katanya.

Perkhidmatan itu boleh diakses secara percuma tiga bulan menerusi www.moh.gov.my.

Waktu khidmat nasihat bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Sabah kutip RM2 juta untuk Tabung Wuhan



MOHD SHAFIE

KOTA KINABALU - Kerajaan Sabah dengan kerjasama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) berjaya mengumpul RM2 juta bagi Tabung Wuhan untuk disalurkan kepada China sebagai tanda prihatin terhadap republik itu yang berhadapan wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, walaupun jumlah itu tidak seberapa, namun ia membuktikan keprihatinan negeri ini terhadap situasi di China dan mengukuhkan hubungan kedua-dua negara.

"Malam ini (kelmarin) kita mengadakan majlis amal untuk mengisi tabung mangsa Covid-19 di China terutama di Wuhan. "Dalam keadaan sekarang, jangkitan Covid-19 juga berlaku di beberapa negara dan oleh itu sebagai masyarakat dunia, kita perlu tampil membantu agar masalah itu cepat ditangani.

"Menyedari hakikat Sabah adalah antara tempat pilihan pelancong China serta pelabur dari republik itu, saya berasa kita perlu bangkit memastikan sokongan diberi kepada mereka agar wabak Covid-19 pulih secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis makan malam amal Tabung We Care, We Love di sini kelmarin. - Bernama

Menteri beri amaran jangan mudah selesa

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menasihati orang ramai termasuk petugas kesihatan agar tidak terlalu selesa dengan kejayaan memulihkan pesakit koronavirus (Covid-19).

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ini kerana negara jiran, Singapura sekarang berada dalam keadaan gawat.

"Jangan mudah selesa kerana di Singapura kini berada di peringkat jingga," katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan Covid-19 di kementeriannya itu di sini semalam.

Menurutnya, orang ramai perlu meningkatkan tahap kebersihan diri seperti saranan KKM.

"Kerap basuh tangan dengan sabun dan guna cecair pembasmi kuman. Bagi yang bergejala, sila ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan dan sila gunakan topeng muka bagi mengelakkan orang sekeliling dijangkiti," katanya.

Dr Dzulkefly turut mengucapkan tahniah kepada petugas kesihatan yang bertungkus-lumus merawat pesakit Covid-19.

Perkasa keupayaan hospital kesan jangkitan wabak

KUALA LUMPUR - Dalam usaha menangani jangkitan koronavirus (Covid-19), lebih banyak hospital dan klinik kesihatan kerajaan terutamanya di luar bandar perlu diperkasakan keupayaannya untuk mengesan jangkitan.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya, Profesor Dr Sazaly Abu Bakar berkata, tindakan itu boleh dilakukan dengan membekalkan kemudahan ujian pengesanan dan pengesanan Covid-19 bagi mengelak penularannya dalam jangka masa panjang dan mengurangkan risiko pesakit menjangkiti orang lain.

"Kita sekarang ini memfokuskan kepada bandar besar dan utama tetapi pesakit boleh muncul dari pekan terpencil. Doktor perlu hantar sampel ke makmal terpilih dan menunggu keputusan.

"Pesakit juga boleh menjangkiti orang lain termasuk doktor. Jadi kalau ujian (kemudahan ujian) itu dapat dibekalkan kepada semua, cepat-



DR SAZALY


lah pengesanan agen jangkitan dilakukan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), setakat 16 Februari lepas, sejumlah 18 makmal kesihatan awam bagi menjalankan ujian pengesanan Covid-19 di Malaysia termasuk Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu dan Makmal Kesihatan Awam Ipoh.

Memuji usaha KKM mengekang penularan Covid-19, beliau berkata, aspek latihan perlu terus diberi penekanan terutama sekali dalam melatih doktor dan jururawat untuk mengambil sampel klinikal secara betul daripada pesakit.

Jelasnya, walaupun situasi di Malaysia terkawal, namun langkah itu perlu difikirkan segera kerana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menzahirkan kebimbangan penularan jangkitan manusia ke manusia dalam negara. - Bernama

COVID-19: LANGKAH KESELAMATAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TEKSI/E-HAILING



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : NEGERI/KELANTAN

SINAR HARIAN • KHAMIS 20 FEBRUARI 2020

Sinar NEGERI • KELANTAN

37

Gesa haramkan jual gula-gula beracun

Kegagalan kawalan produk itu boleh sebabkan pelbagai masalah

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

Persatuan Pengguna Islam Kelantan menggesa kerajaan supaya mengharamkan penjualan gula-gula yang mengandungi bahan tidak dibenarkan.

Yang Dipertuanya, Datuk Seri Dr Mohd Fared Abdul Ghani berkata, kegagalan kerajaan mengawal penjualan produk berkenaan boleh menyebabkan pelbagai masalah lain terutamanya menyumbang peningkatan kes gejala sosial.

"Contoh yang tular terkini *mixed*

fruit candy yang dikatakan mengandungi gula gantian yang merbahaya pada kesihatan sehinggakan ada antaranya berfungsi sebagai julap.

"Saya hairan bagaimana gula-gula yang disediakan untuk kanak-kanak boleh dimasukkan dengan bahan-bahan seperti ini.

"Ini bukan isu terlepas pandang, tapi kerajaan perlu selidik dan kawal penjualan gula-gula ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Kementerian Kesihatan kelmarin mengesahkan produk tular *Energy Candy* mengandungi racun berjadual tadafil yang digunakan untuk pesakit yang mengalami mati pucuk (*erectile dysfunction*).

Hasil pemantauan terhadap produk berkenaan mendapati, ia



DR MOHD FARED

disahkan mengandungi racun berjadual dan dilarang penggunaannya dalam makanan bawah Akta Makanan 1983.

Selain *Energy Candy*, produk lain yang mengandungi tadafil ialah *Extra Ali Energy Candy*, *Extra Strong Energy Candy* dan *Mixed Fruit Candy*.

Menurutnya, ibu bapa perlu melarang anak-anak mereka daripada makan atau membeli gula-gula yang mengandungi racun berjadual tadafil itu.

Selain itu katanya, peniaga juga perlu sedar dan menghentikan penjualan produk merbahaya tersebut.

"Jangan hanya memikirkan untung sedangkan anak-anak bangsa kira merana dek kerana makanan yang semudah itu," katanya.

Periksa dulu produk kesihatan sebelum makan

KOTA BHARU – Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan memastikan makanan dan produk kesihatan selamat dimakan bagi mengelakkan diri daripada bahaya dan kemudaratan.

Pengerusi Biro Kesihatan Awam Nasional yang juga doktor di Klinik Perdana Cawangan Islam, Dr Hafidzah Mustakim berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengambil langkah membuat pemantauan terhadap makanan dan ubat-ubatan terutama produk *Mixed Fruit Candy* dan *Energy Candy* yang mengandungi racun.

"Masyarakat perlu memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak kerajaan mengenai penjualan makanan ataupun gula-gula yang tidak sepatutnya.

"*Energy Candy* mengandungi bahan terlarang racun berjadual tadafil digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami masalah *erectile dysfunction* (mati pucuk).

"Jangan mudah percaya dan terpedaya kerana pengambilan bahan seperti itu boleh menyebabkan komplikasi terhadap keseluruhan badan sehingga memudaratkan kesihatan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, pengimport dan pengeluar makanan serta produk-produk tenaga dan penjagaan kesihatan perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna dan tidak mengaut keuntungan semata-mata.

"Pengguna boleh hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat sekiranya mempunyai kemusykilan atau layari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> serta Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) di www.facebook.com/bkmmhq," katanya.



DR HAFIDZAH

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

THURSDAY, FEBRUARY 20, 2020 • NewStraitsTimes

NEWS / Nation

COVID-19 OUTBREAK

DZULKEFLY: MALAYSIA WILL REMAIN VIGILANT

This despite drop in Covid-19 cases from 22 to 7 with zero new cases, says health minister

DAWN CHAN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

MALAYSIA is not letting its guard down despite the country's success in reducing the number of Covid-19 cases from 22 to seven, with no new cases reported up to yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the authorities would remain vigilant, especially with the number of cases in neighbouring countries continuing to soar.

"We cannot be complacent because across the Causeway, Singapore is experiencing a slightly 'severe situation' and has declared code orange (due to

heightened risk)," he said during a media briefing at the Health Ministry here yesterday.

Following his video-conference call to his Singaporean counterpart on Feb 11, Dr Dzulkefly said, both countries had formed a joint working committee, co-chaired by his deputy, Dr Lee Boon Chye, and Singapore's deputy health minister.

"We will continue to fine-tune measures such as exit screenings. I understand a meeting would be held by deputy ministers next Tuesday."

Dr Dzulkefly advised the public not to take their health lightly and to continue practising good personal hygiene such as washing hands regularly and using hand sanitisers.

He said those with bouts of cough and fever, or experience shortness of breath should seek treatment and wear face masks to prevent infecting others.

Dr Dzulkefly later launched a Virtual Health Advisory portal to address Covid-19's risk communication needs.

The portal, a joint initiative be-



tween the ministry and DoctorOnCall, will provide free public access to consultation with the ministry's family medicine specialists or medical officers to address queries regarding Covid-19. It is also part of DoctorOnCall's corporate social responsibility effort.

"Through the collaboration between the ministry's Family Health Development Division, family medicine specialists and DoctorOnCall, the Virtual Health Advisory was completed within four days and went live on Feb 17," said Dr Dzulkefly.

Health director-general Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement the service was for health advisory purposes and not for diagnosing or treating patients.



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (fourth from right) speaking during a media briefing at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. He is flanked by his deputy, Dr Lee Boon Chye (left), and Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah. BERNAMA PIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

THURSDAY, FEBRUARY 20, 2020 . NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 3



Labuan Health Department director Dr Ismuni Bohari (left) operating a thermal scanner to screen passengers' body temperature as a precautionary measure against Covid-19 infection at the arrival hall of the Labuan International Ferry Terminal yesterday. BERNAMA PIC

Matrade postpones halal trade fair to September

KUALA LUMPUR: The Malaysia External Trade Development Corporation (Matrade) has postponed the 17th Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2020 to September following the Covid-19 outbreak.

The trade agency, in a statement yesterday, said the deferment was to safeguard the health and safety of MIHAS 2020 participants and exhibitors, adding the halal trade fair would be held from Sept 1 to 4.

"MIHAS 2020 exhibitors have expressed their wish for the iconic trade fair to be rescheduled."

Matrade said MIHAS 2020 was originally scheduled to be

held from April 1 to 4.

"The change of date takes into account the worldwide trend involving trade fairs with many have opted to reschedule their events."

Matrade said it would continue to work with exhibitors and visitors to ensure the success of MIHAS 2020.

"We appreciate the continued support from the public and the media towards MIHAS, and look forward to welcoming Malaysian and international companies at MIHAS 2020."

On the Covid-19 outbreak, Matrade lauded the Health Ministry, the National Disaster Management Agency and other agencies for keeping it under control.

"Direct counselling with a family medicine specialist or medical officer is provided via chat, audio and video over the Internet using a mobile device or desktop computer equipped with a camera."

He said the portal, which can be accessed via www.moh.gov.my or www.doctoroncall.com.my/coronavirus, would reduce the need to seek advice on respiratory symptoms or Covid-19 at clinics or hospitals.

"It is intended to help disseminate up-to-date and accurate information on Covid-19, reduce congestion in health facilities and provide preliminary Virtual Health Advisory screening or triage to clients prior to attending health facilities."

"This collaboration is a new starting point in risk communication. The diversity of platforms for accurate and fast delivery of information to all walks of life is important in today's social media era."

DoctorOnCall, in a statement, said the public could access the portal seven days a week, between 8.30am and 5pm.

"The public may search for verified and credible articles written about the disease, take a self-assessment test to understand their risks and consult the Health Ministry's doctors via chat, phone or video call to seek clarification about their symptoms."

This platform allowed a doctor to understand a caller's concerns, assess the symptoms and advise on the steps to be taken, it said.

"If a patient is identified to have a high risk of infection, the protocols in the ministry's Crisis Preparedness and Response Centre will be activated by the doctor."

Experts foresee slowdown in several sectors

KUALA LUMPUR: Local economists have predicted the situation this year to be similar to that in 2015, which was riddled with retrenchment, price hikes and lower purchasing power. They believe the Covid-19 outbreak in Wuhan, China, will have a huge impact on Malaysia's economy.

While the World Bank announced a slightly lower gross domestic product (GDP) growth target of 4.5 per cent this year, political analyst and veteran economist Professor Dr Hoo Ke Ping said the actual GDP could be as low as three per cent.

He described the GDP announced by the World Bank as "very optimistic" compared with the actual impact of China's sluggish economy, especially on Malaysia's tourism, oil and gas, and construction sectors.

"This year, we are looking at a growth that will be very similar to what we experienced in 2015, but the only difference is that this time, Malaysia may not experience a recession due to its diversified economic portfolios."

"One sector has started to feel the heat as we are seeing cancellation of hotel bookings and tours by tourists from China."

"This has caused the tourism industry to lose about half a billion ringgit in the first two months of this year."

"This makes up about 0.3 per cent in GDP losses," said Hoo in justifying why he felt the World Bank was too optimistic about Malaysia's economic growth.

Hoo said the tourism sector



Professor Dr Hoo Ke Ping (left) and Professor Dr Mohd Nazari Ismail

would take a longer time to recover as people would be fearful to travel even when the outbreak had been contained.

"The lack of visitors in Genting Resort is evidence that the worst will come in the next few months. Layoff or retrenchment is inevitable in the tourism sector."

"About two million people are employed in the tourism sector. I estimate at least 10 to 15 per cent may lose their jobs," he said, adding that the domino effect would affect all quarters, including the banking sector.

He said Malaysia had yet to feel the impact of the Covid-19 outbreak since essential goods imported from China were still available, mostly last year's stock.

"Once the stock runs out, we will start to experience shortage, which will increase the prices of items."

"It will cause countries like India to raise the prices of their exports such as onions," Hoo said, describing China's economy

as volatile and would take time to recover.

However, Hoo believed Malaysia would not experience a recession because of its diversified economic portfolios.

Economist Professor Dr Mohd Nazari Ismail from Universiti Malaya's Department of Business Strategy and Policy suggested a slowdown in most sectors, including aviation and tourism.

He said the aviation and tourism sectors would be worst-hit and that the outbreak would slow down other businesses, too, as people lose their purchasing power.

However, Nazari said, the public could enjoy better promotions from hotels and tour agencies if they planned to travel.

"Perhaps not many will take up the offers because the Covid-19 outbreak is still spreading across the globe."

Nazari said he did not see massive layoffs at the moment, but added that things might change

if the outbreak prolonged.

"If this happens, we should be concerned."

"More people will be without jobs and debts will accumulate," he said, adding that those with fewer financial commitments may not feel the pinch.

"The impact will be less harder on these people because they are self-sufficient," he said, adding that Malaysians should brace themselves for the worst in the coming months.

At the launch of the "Practitioner's Guide to Innovation Policy" report on Tuesday, World Bank Global Knowledge and Research Hub country manager (Malaysia) Dr Firas Raad had said a revision of Malaysia's GDP was likely in light of the "evolving situation".

"Malaysia is a trading nation. As China is one of the biggest trading partners, there would certainly be an impact, but its extent is still being examined," he said. **By Kathana Perimbayanagam**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Call for law on nicotine-laced vaping

➤ Sale of such products illegal as licences have not been issued: Tobacco firm MD

KUALA LUMPUR: The illegal trade of nicotine-laced vaping products rakes in an estimated RM2 billion a year, said Cormac O'Rourke, managing director of JT International Bhd (JTI), a leading international tobacco product manufacturer.

He said 10% of the total "smoking" market is made up of illegal vaping products, adding that 30% of new vapers above 18 have never smoked before while there are also minors vaping.

"Despite the proliferation of illegal vape products, the Health Ministry has yet to come up with laws to deal with them," O'Rourke said at a media briefing yesterday.

"No one is allowed to sell nicotine-laced products as

licences for such items have not been issued," he said, adding JTI itself had failed to get a permit to import such products.

He called on the Health Ministry to deal with this problem, pointing to the Poisons Act 1952 that regulates the importation of nicotine-laced products.

Many people are buying vaping products online which are delivered to their homes.

"We don't know what substances go into them other than nicotine."

O'Rourke said Malaysia also held the number one spot for two years running (2018 and 2019) for illegal cigarette trade.

"In 2018, 58.9% of all cigarettes

sold were illegally imported but last year, it jumped to 62.3%. The government lost about RM5 billion in revenue due to the illegal trade."

O'Rourke said it worked out to about 12.2 billion sticks of contraband cigarettes sold and consumed in the country.

He said greater enforcement by all relevant agencies is needed to overcome this problem, adding it is heartening to know the government has set up a multi-agency task force to address the issue.

"The plan by the Health Ministry to increase the minimum cigarette price from RM10 to RM15 will defeat this purpose."

"Smokers are now buying cigarette packs costing below RM10 and illegal cigarettes. The price increase will further drive them to purchase illegal cigarettes."